



UCAPAN

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-25

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN)
& PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

14 Oktober 2020



PENGENALAN

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera semua,

1. Apa khabar semua? Bertemu kita semua sekali lagi dalam laporan LAKSANA ke-25 hari ini. Saya berharap agar semua rakyat Malaysia berada dalam keadaan sihat.
2. **Laporan LAKSANA Ke-25** akan dimulakan dengan perkongsian status pelaksanaan PENJANA, diikuti tahap pencapaian keseluruhan PENJANA dan ulasan isu semasa. Pelaksanaan inisiatif PRIHATIN akan dikongsi sebagai [lampiran](#) dan dimuat naik di laman web Kementerian Kewangan iaitu www.treasury.gov.my serta saluran media sosial rasmi.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

3. Di bawah PENJANA, inisiatif-inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat utama iaitu:
 - a. Memperkasakan Rakyat;
 - b. Melonjakkan Perniagaan; dan
 - c. Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

Saudara dan saudara yang dihormati,

4. Kita mulakan dengan inisiatif-inisitif dibawah **Matlamat Pertama iaitu Memperkasakan Rakyat.**
5. **Pertama, Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PEKA B40)** yang dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Mereka yang layak iaitu penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangan yang berdaftar dan berumur 40 tahun dan ke atas akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan untuk melakukan saringan kesihatan di klinik-klinik yang berdaftar. Melalui skim ini, penekanan diberikan bagi menampung keperluan kesihatan seperti **pengesanan awal untuk penyakit tidak berjangkit**. Di antara 1 Julai sehingga 2 Oktober 2020, sebanyak **107,717** tuntutan diterima dengan jumlah **RM8.45 juta**.
6. Pemohon yang layak bakal menerima manfaat lain daripada skim ini, yang terdiri dari bantuan alat perubatan, insentif melengkapkan rawatan kanser dan insentif tambang pengangkutan. Pendaftaran masih dibuka dan saya ingin menggalakkan mereka yang layak agar mengambil peluang ini dan mendaftar melalui pautan rasmi KKM iaitu www.pekab40.com.my.

Bagi tempoh 1 Julai 2020 sehingga:	Jumlah Tuntutan*	Nilai Bantuan* (RM juta)
2 Oktober 2020	107,717	8.45
25 September	99,251	6.64
31 Ogos	66,380	3.70

**Jumlah Kumulatif*

7. **Kedua, Program Bantuan Sosial bagi Golongan Mudah Terjejas.** Setakat 2 Oktober 2020, **sejumlah RM66.40 juta** telah disalurkan dan **memanfaatkan seramai 221,345 penerima** yang merangkumi:
 - a. OKU berdaftar: **RM55.73 juta kepada 185,770 penerima**
 - b. Ibu tunggal: **RM10.13 juta kepada 33,760 penerima**, dan
 - c. Sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah: **RM544,500 kepada 1,815 penerima**
8. **Ketiga, Program Subsidi Upah (PSU).** Bantuan bagi PSU di bawah PRIHATIN diberikan kepada majikan untuk tempoh 3 bulan bermula April sehingga Jun. Di bawah Pelan PENJANA, bantuan ini telah dilanjutkan selama 3 bulan lagi, bermula Julai sehingga September 2020. Terkini, PSU telah dilanjutkan sekali lagi di antara 3 hingga 6 bulan di bawah pakej KITA PRIHATIN. Setakat 2 Oktober 2020, sebanyak **RM11.967 bilion subsidi upah** telah diluluskan untuk memanfaatkan lebih 322,022 majikan serta lebih **2.6 juta pekerja**.

Tarikh Laporan	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja*(juta)	Jumlah Majikan*
2 Oktober	11.967	2.636	322,022
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah Kumulatif

Untuk makluman semua, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung penyelewengan 30 kes tuntutan Program Subsidi Upah (PSU) palsu yang dilakukan majikan. **Pihak Kerajaan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana majikan yang cuba melakukan penyelewengan dengan membuat tuntutan tetapi tidak menyalurkan subsidi in kepada pekerja mereka.**

9. **Keempat, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** Secara keseluruhannya **seramai 48,617** pekerja (peningkatan daripada **43,998** minggu lalu) telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Jumlah ini merangkumi **38,189** orang di bawah umur 40 tahun, **5,966** orang bagi golongan berusia di antara 40 hingga 60 tahun, serta **293** orang kelainan upaya dan **4,169** perantis.

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Perkerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	OKU	Perantis	
2 Oktober	38,189	5,966	293	4,169	48,617
25 September	34,476	5,456	284	3,782	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	178**	2,818	24,616
21 Ogos	15,113	2,856	220	2,385	20,574

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah kerana selepas penyelarasan dan analisa lanjut, sejumlah pemohon didapati bukan OKU

10. **Kelima, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Beberapa Kementerian dan agensi telah menyelaraskan program “*reskilling & upskilling*” merentasi kementerian dan agensi berkaitan, supaya dapat menyediakan tenaga kerja yang memenuhi kehendak industri. Program ini turut bertujuan untuk memperkenalkan dan melatih kemahiran baharu kepada para peserta. Berdasarkan statistik yang diperolehi setakat 2 Oktober 2020, seramai **61,339 individu telah diluluskan** untuk mengambil bahagian dalam program yang disediakan.

11. Bagi mereka yang masih mencari peluang pekerjaan, gunakanlah peluang “*reskilling & upskilling*” bagi meningkatkan kebolehpasaran anda. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Kementerian dan Agensi yang terlibat seperti di pautan bagi maklumat lanjut.

Bil.	Kementerian/Agensi	Pautan
1.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	http://ebelia.iyres.gov.my/
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	https://www.insken.gov.my/pendaftaran/
3.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	great.mohe.gov.my
4.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Penjana.mara.gov.my
5.	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	https://www.ecerdc.com.my/penjana/Website/index.html
6.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	penjanahrdf.com.my
7.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

Saudara dan saudari yang dihormati,

12. Bagi inisiatif-inisitif dibawah **Matlamat Kedua PENJANA** iaitu **Melonjakkan Perniagaan**, Kerajaan terus membantu Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) yang merupakan komponen penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Ini juga memastikan kelangsungan perniagaan selaku salah satu penyumbang utama KDNK Negara.
13. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA.** Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM2 bilion dan memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Sehingga 2 Oktober 2020, sebanyak **3,617 permohonan PKS telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM833.6 juta.**

Tarikh Setakat	Permohonan* Diluluskan	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
2 Oktober	3,617	833.6
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2
21 Ogos	1,172	329.5

*Jumlah Kumulatif

14. **Kedua**, Kerajaan menyediakan bantuan dan menggalakkan PKS serta Syarikat Peringkat Pertengahan (MTC) ke arah pendigitalan operasi dan saluran perdagangan. Ini termasuk peruntukan sebanyak **RM100 juta** bagi **Geran Padanan Pendigitalan PKS** dengan kerjasama syarikat telekomunikasi, **RM500 juta** pembiayaan melalui **SME Technology Transformation Fund** dan **Geran Automasi Pintar** berjumlah **RM100 juta**. Sehingga 2 Oktober, sebanyak **RM24.6 juta** telah **diluluskan untuk dimanfaatkan oleh 1,634 PKS dan MTC**. Pecahan pemberian geran mengikut jenis adalah seperti berikut:

- a. Untuk **Geran Padanan Pendigitalan PKS**. Sehingga 2 Oktober 2020, sebanyak **RM5.3 juta** telah **diluluskan kepada 1,616 PKS**;
- b. **SME Technology Transformation Fund**. Sehingga 2 Oktober 2020, sebanyak 23 PKS telah memohon bantuan ini dan **sejumlah RM18.4 juta telah diluluskan dan akan memanfaatkan 9 PKS**; dan
- c. **Geran Automasi Pintar**. Sehingga 2 Oktober 2020, sebanyak 128 PKS telah memohon bantuan ini dan **sejumlah RM886,486 telah diluluskan dan akan dimanfaatkan oleh 9 PKS**.

15. **Ketiga**, Skim Pemulihan Perniagaan Tekun atau **TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS)**. Ini adalah salah satu daripada dua bantuan pembiayaan untuk menyokong PKS Mikro. Setakat 2 Oktober, sebanyak **RM76.1 juta** telah disalurkan di bawah TBRS bagi memanfaatkan **11,481 PKS Mikro**.

Tarikh Setakat	Permohonan* Diluluskan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
2 Oktober	11,481	76.1
25 September	11,383	75.5
28 Ogos	6,908	47.7
31 Julai	909	6.8

*Jumlah Kumulatif

16. **Keempat** adalah Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN). Setakat 2 Oktober, sebanyak **RM98.66 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **2,692 PKS dan PKS Mikro**.

Tarikh Setakat	Permohonan* Diluluskan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
2 Oktober	2,692	98.66
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.23

*Jumlah Kumulatif

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

Saudara dan saudari yang dihormati,

17. Seterusnya adalah pelaksanaan langkah di bawah **Matlamat 3 Pelan PENJANA iaitu Merangsang Ekonomi.**
18. **Pertama**, permohonan ePenjana telah ditutup pada 24 September 2020 dan tempoh penggunaan kredit RM50 di dalam e-dompet ini telah tamat tempoh pada 30 September 2020. Secara keseluruhannya, **seramai 11.36 juta rakyat telah berjaya menerima RM50 dalam e-Dompet mereka dengan jumlah nilai sebanyak RM567.9 juta.** Ini bermakna, melalui ePenjana, RM567.9 juta telah dibelanja bagi merancakkan ekonomi Malaysia.
19. **Kedua, Sokongan bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan.** Antara peruntukan yang disediakan adalah **sejumlah RM100 juta dalam bentuk pinjaman dan RM30 juta dalam bentuk geran untuk industri kreatif, acara dan pameran di bawah MyCreative Ventures; manakala RM10 juta lagi disalurkan melalui CENDANA.** Sehingga 2 Oktober 2020, **sebanyak 182 permohonan** telah diterima bagi **MyCreative Ventures bernilai RM43 juta** yang sedang dipertimbangkan, dan bagi inisiatif CENDANA pula, sebanyak **184 permohonan** telah diluluskan dengan nilai **RM2.7 juta.**
20. Baru baru ini juga, saya berkesempatan untuk mengadakan sesi Konsultasi Belanjawan 2021 bersama Industri Kreatif yang diadakan secara maya dengan membincangkan inisiatif-inisiatif yang diperlukan untuk membina sebuah ekosistem kreatif yang lestari dan dinamik. Ini termasuklah memupuk **kerjasama sektor korporat yang mampu menjadi pelabur dan ‘rakan seni’**, keperluan untuk memperluas usaha **pembangunan industri di luar bandar** dan cara-cara untuk meningkatkan **penjualan produk kreatif Malaysia.**
21. Dengan keazaman dan fokus yang kuat, tiada sebab mengapa kita tidak boleh mengembangkan industri kreatif negara kita sama seperti yang telah dilakukan oleh negara-negara Asia lain seperti Indonesia, Korea Selatan dan Hong Kong. Kepada para penggiat industri kreatif di luar sana, saya menyeru dan menyarankan supaya mereka menggunakan peluang kemudahan yang disediakan ini dalam menghasilkan karya-karya mereka. Semua pemain industri terlibat boleh memohon bantuan dari kedua-dua agensi berkaitan dengan melayari www.mycreative.com.my/penjana dan www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.

TAHAP PENCAPAIAN KESELURUHAN SEMASA PENJANA

Saudara dan saudara yang dihormati,

22. Izinkan saya berkongsi tahap pencapaian keseluruhan semasa bagi Pelan PENJANA:

- a. Bagi pemberian tunai secara *one-off* - seperti e-Penjana, bantuan kepada golongan terjejas, geran secara one-off kepada pengendali taska dan tadika yang berdaftar dan lain-lain - yang melibatkan pembayaran sebanyak **RM655 juta**, pencapaian pelaksanaan adalah mengikut jadual pada tahap **69%**; dan
- b. Bagi inisiatif yang melibatkan pelaksanaan dalam jangka masa antara 3 hingga 6 bulan pula – seperti lanjutan subsidi upah (asal), My30, PEKA B40, Shop Malaysia online dan lain-lain – yang melibatkan penyaluran sebanyak **RM4.38 bilion**, pelaksanaan adalah mengikut jadual pada tahap **44%**. Ini adalah tahap yang memberangsangkan memandangkan inisiatif-inisiatif PENJANA dilaksanakan secara berfasa bermula antara bulan Jun dan September.

23. Pemantauan proaktif akan terus dilakukan melalui unit LAKSANA dalam memastikan bantuan dapat disalurkan dengan cepat dan efektif, ini termasuk pakej KITA PRIHATIN yang diumumkan pada 23 September lepas.

ULASAN ISU SEMASA: KAJI SELIDIK PRIHATIN -- LEBIH 80% RAKYAT BERPUAS HATI DENGAN PELAKSANAAN PAKEJ PRIHATIN

Saudara dan saudara yang dihormati sekalian,

24. Antara 19 Ogos dan 22 September 2020, Unit LAKSANA telah menjalankan **Kaji Selidik PRIHATIN** untuk mendapatkan maklum balas orang ramai mengenai impak pelaksanaan Pakej PRIHATIN kepada mereka. Ini juga adalah antara usaha Kerajaan untuk **mendengar suara rakyat secara berterusan**, dan hasil dapatan Kaji Selidik PRIHATIN akan digunakan bagi **merangka usaha-usaha pemulihan ekonomi**, termasuk Belanjawan 2021 yang bakal diumumkan bulan November ini.

25. Alhamdulillah, lebih 11,000 respons telah diterima daripada rakyat. Ini termasuk sesi turun padang yang telah dilaksanakan oleh pasukan LAKSANA ke lebih 10 lokasi seluruh negara, termasuk Kuala Lumpur, Cyberjaya, Melaka, dan Kuala Terengganu. Mereka berjumpa dengan kumpulan sasar yang dikategorikan sebagai “menghadapi masalah” (*distressed*) merentasi golongan pendapatan B40, M40 dan T20. Ini termasuk individu yang menganggur, bekerja sendiri atau merupakan pemilik perniagaan dan usahawan.

26. Antara penemuan yang penting untuk dikongsi adalah seperti berikut:

27. Dari segi **profil responden**:

- a. 61% responden adalah di dalam kategori umur 20 – 49;
- b. 76% adalah dari golongan B40; 18% dari M40 dan selebihnya T20;
- c. 56% telah berkahwin; 81% mempunyai 1 – 4 tanggungan (sama ada anak-anak, ibu bapa atau ahli keluarga rapat);
- d. 98% daripada responden merupakan pengguna media sosial.

28. Dari segi **kepuasan pelaksanaan** PRIHATIN, antara dapatan utama Kaji Selidik PRIHATIN termasuk:

- a. **Lebih 80% responden berpuas hati dengan pakej PRIHATIN.** Daripada jumlah ini, 55% menyatakan tahap kepuasan yang tinggi dan 26% tahap kepuasan yang biasa.
- b. Apabila tahap kepuasan dipecahkan mengikut jenis dan tempoh bantuan, didapati:
 - i. **Bagi bantuan secara bersekali sahaja atau *one-off***, antara bantuan yang menerima markah kepuasan yang tertinggi ialah **Bantuan Prihatin Nasional atau BPN (68%) dan MySalam (66%)**. Pelaksanaan elaun pemandu teksi mendapat tahap kepuasan pada kadar 57%.
 - ii. **Bagi bantuan yang dilaksanakan di antara 3 hingga 6 bulan pula, kepuasan tertinggi adalah untuk Program Pengekalan Pekerja (70%), diikuti moratorium PTPTN (69%), elaun untuk barisan hadapan (69%), dan moratorium pinjaman bank automatik serta diskaun elektrik (kedua-duanya 67%).** Pelaksanaan pemberian internet percuma 1GB pada tahap kepuasan 65%.
 - iii. **Bagi bantuan bersifat jangka masa panjang, Skim Persaraan Swasta dan pengurangan caruman KWSP mendapat tahap kepuasan tertinggi (69%)** manakala pengecualian tapak sewa dan pengecualian sewa Projek Perumahan Awam mendapat tahap kepuasan paling rendah pada kadar 60%.

29. Seterusnya, Kaji Selidik PRIHATIN juga telah bertanya responden soalan mengenai **penerimaan dan penggunaan bantuan-bantuan**. Antara dapatan utama termasuk:

- a. **50% responden telah menerima antara 3 hingga 5 bantuan** yang berbeza. Ini menunjukkan bahawa kepelbagaian bantuan PRIHATIN telah dapat melindungi rakyat daripada pelbagai sudut keperluan.
- b. **77% responden yang telah menerima bantuan-bantuan PRIHATIN telah menggunakannya untuk perbelanjaan isi rumah**. Perbelanjaan isi rumah yang utama adalah kos makanan, diikuti utiliti dan kos pengangkutan.
- c. Daripada kesemua langkah-langkah di bawah PRIHATIN, 3 bantuan utama yang diterima atau dimanfaatkan responden adalah:
 - i. BPN/BSH
 - ii. internet percuma
 - iii. diskaun elektrik

30. Bergerak ke hadapan, **hasil dapatan Kaji Selidik PRIHATIN akan digunakan oleh Kerajaan dalam merangka langkah-langkah yang komprehensif dan menyeluruh di bawah Belanjawan 2021**. Antara dapatan yang akan diberi pertimbangan merangkumi perkara berikut:

- a. Meningkatkan sokongan bagi perkhidmatan kesihatan mental;
- b. Mempermudahkan akses bantuan untuk golongan mudah terjejas seperti warga emas;
- c. Memperkasakan peranan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam menyokong komuniti;
- d. Meningkatkan peranan Perusahaan Sosial (*Social Enterprise*); dan
- e. Menambahkan peluang pekerjaan.

31. Pada kesempatan ini, saya ingin **mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perangkaan Malaysia dan juga lebih 32 agensi Kerajaan dan swasta, di atas kerjasama dalam melaksanakan Kaji Selidik PRIHATIN ini**. Kerjasama padu berpandukan data ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan. Di bawah Belanjawan 2021 juga, Kerajaan berharap dapat memperuntukkan sumber bagi memperkukuhkan lagi penyelarasan perkongsian data merentasi agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pihak berkuasa tempatan serta NGO.

32. Kerajaan sedar masih ada ruang untuk penambahbaikan, dan akan sentiasa memberi yang terbaik buat rakyat, perniagaan dan ekonomi.

ULASAN ISU SEMASA TAMBAHAN

33. Mengikut kenyataan terbaru daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran negara pada bulan Ogos 2020 kekal di paras 4.7%, dengan penurunan jumlah penganggur kepada 741,600 daripada 745,100 pada bulan Julai 2020. Ini menunjukkan bahawa usaha Kerajaan menyokong pekerjaan berada di landasan yang betul, melalui inisiatif seperti Program Subsidi Upah dan Program Peningkatan Kemahiran yang telahpun Berjaya menurunkan kadar pengangguran yang sebelum ini mencecah 5.3% pada bulan Mei 2020. Usaha ini akan diteruskan menjelang Belanjawan 2021 yang bakal dibentangkan November ini.

PENUTUP

34. Seperti yang diketahui umum, Kerajaan pada minggu ini telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Sabah, Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Keputusan ini dilakukan setelah mengambil kira peningkatan kes baharu COVID-19 di kawasan-kawasan tertentu, dan juga corak penularan jangkitan wabak tersebut. Saya berharap semuanya tabah dan memahami bahawa tindakan ini diambil bagi melindungi rakyat. Janganlah kita leka. *We are still at war with the unseen enemy.*

35. **Kerajaan mengambil pengalaman** daripada langkah-langkah kawalan pergerakan yang lalu, dan kesan langkah tersebut terhadap punca pendapatan dalam usaha memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19. Diingatkan bahawa PKPB ini berbeza dengan PKP yang dilaksanakan pada bulan Mac hingga Mei, **di mana hampir keseluruhan aktiviti ekonomi seperti perniagaan, perkilangan dan gerai-gerai masih boleh beroperasi** dengan mengikuti SOP yang ditetapkan.

36. Saya memberi jaminan bahawa Kerajaan akan mengimbangi kawalan pergerakan dan keperluan melakukan aktiviti seharian, demi untuk terus melindungi nyawa dan kehidupan. Sebagai Menteri Kewangan, memastikan agar rakyat dapat terus mencari rezeki dan perniagaan dapat terus berniaga, adalah penting kepada saya. Kelangsungan ekonomi perlu dilindungi untuk memastikan momentum pemulihan ekonomi dapat dikekalkan.

37. Akhir kata, marilah kita sama-sama berjuang dengan bersungguh-sungguh dalam menangani COVID-19 di Malaysia. Sentiasa patuh kepada amalan norma baharu dengan mempraktikkan amalan penjarakan fizikal, menjaga kebersihan dan kesihatan serta kawalan sendiri dalam mematuhi SOP yang dikeluarkan Kerajaan. Insya-Allah, jangan alpa, kita pasti menang.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
14 Oktober 2020

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Setakat 2 Oktober 2020, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM9.56 bilion (peningkatan daripada RM9.33 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.66 juta penerima (peningkatan daripada 4.65 juta minggu lalu). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Sehingga 2 Oktober 2020, sebanyak RM 313.72 juta telah disalurkan berdasarkan 957,902 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3.	Pemandu Teksi	Setakat 2 Oktober 2020, Kerajaan telah menyalurkan bantuan tunai <i>one-off</i> kepada 33,839 pemandu teksi (peningkatan daripada 33,835 pemandu minggu lalu) yang berjumlah lebih RM20.30 juta .
4.	Pemandu Pelancong	Setakat 2 Oktober 2020, seramai 7,638 pemandu pelancong (peningkatan daripada 7,629 pemandu) telah menerima bantuan tunai <i>one-off</i> berjumlah lebih RM4.6 juta .
5.	Pemandu bas pelancongan	Pembayaran tunai <i>one-off</i> kepada pemandu bas pelancongan telah mula dibuat pada 22 Julai 2020. Setakat 2 Oktober 2020, seramai 3,016 pemandu bas pelancong (peningkatan daripada 2,902 pemandu minggu lalu) telah menerima bantuan berjumlah RM1.8 juta (peningkatan daripada RM1.74 juta minggu lalu).

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN					
6.	Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Setakat 2 Oktober 2020, sebanyak 69,864 permohonan telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 13,090 permohonan telah diluluskan bernilai RM85 juta (tiada peningkatan)			
		Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
		2 Oktober	69,864	13,090	85.0
		25 September	69,864	13,090	84.9
		28 Ogos	68,532	12,904	84.2
		31 Julai	65,986	12,425	82.1
		26 Jun	36,107	9,542	63.9
		31 Mei	26,509	5,245	34.8
		*Jumlah kumulatif			
7.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 2 Oktober 2020, pembayaran telah dibuat kepada 11,352 PKS (peningkatan daripada 11,344 penerima minggu lalu) melibatkan jumlah sebanyak RM378.0 juta (peningkatan daripada RM377.8 juta minggu lalu).			
8.	Program TEKUN	Setakat 2 Oktober 2020, pembayaran telah dibuat kepada 26,205 PKS (peningkatan daripada 25,724 penerima minggu lalu) melibatkan jumlah sebanyak RM199.15 juta (peningkatan daripada RM195.10 juta minggu lalu).			

9.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 2 Oktober 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM10.73 bilion (peningkatan daripada RM10.67 bilion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada 23,078 PKS (peningkatan daripada 22,984 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana Special Relief Facility (SRF), Automation & Digitalisation Facility (ADF), All-Economic Sector Facility (AES) dan Agrofood Facility (AF). <table border="1" data-bbox="480 495 1358 893"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2 Oktober</td><td>10.73</td><td>23,078</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	2 Oktober	10.73	23,078	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																								
2 Oktober	10.73	23,078																								
25 September	10.67	22,984																								
28 Ogos	10.3	22,440																								
Julai	9.6	21,410																								
Jun	8.4	19,539																								
Mei	6.9	16,833																								
April	1.5	3,636																								